

15/08/1998

ASW 2020 bayar dividen 9.8 peratus (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini mengumumkan dividen 9.8 peratus bagi Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) untuk tahun berakhir 31 Ogos 1998, berbanding dividen pertamanya 10.1 peratus tahun lalu.

Dividen itu dikreditkan terus ke dalam akaun pelabur dan mereka boleh mengemaskinikan buku pelaburan mulai 1 September ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan perkara itu berharap pelabur terus mengekalkan dividen diperolehi dalam ASW 2020, sambil menasihatkan mereka yang layak tetapi belum melabur turut melabur dalam skim itu.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) mengumumkan demikian dalam kenyataan yang dibacakan oleh Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, di sini.

Penganalisis menganggap dividen kedua ASW 2020 sebagai 'meyakinkan' dalam keadaan ekonomi semasa.

ASW 2020, saham amanah untuk pelbagai kaum yang pertama diperkenalkan PNB adalah tabung pelaburan tertutup dengan dana RM3 bilion.

PNB memperuntukkan 51 peratus atau RM1.53 bilion daripada jumlah itu kepada Bumiputera dan 49 peratus atau RM1.47 bilion kepada bukan Bumiputera.

Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) selaku pengurus saham amanah yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996 itu, memperuntukkan RM170.52 juta berbanding RM152.24 juta tahun lalu sebagai dividen yang dikecualikan cukai.

Sehingga Rabu lalu, 347,722 pemegang unit Bumiputera ASW 2020 melabur RM324.51 juta, manakala bukan Bumiputera 486,991 dengan pelaburan RM1.240 bilion. Pelaburan maksimum bagi ASW 2020 ialah RM50,000.

Dr Mahathir berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan jika dibandingkan jumlah pemegang unit ASW 2020 pada 31 Ogos 1997 iaitu 333,865 Bumiputera dan 481,059 bukan Bumiputera.

Menurutnya, baki pelaburan yang belum dibeli untuk peruntukan Bumiputera ialah RM1.205 bilion berbanding RM229.60 juta untuk bukan Bumiputera.

Bagi pemegang unit yang sudah dan hampir mencapai tahap maksimum pelaburan ASW 2020, dividen akan dibayar dalam bentuk cek dan mula dihantar pada minggu kedua September ini.

Berikutan itu, semua urusan niaga ASW 2020 ditangguhkan mulai 26 hingga 31 Ogos ini.

(END)